

**NO. SOALAN : 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 8 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8760**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing haram di negara kita dan pendekatan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2014 hingga 2 Februari 2016, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan sebanyak 17,499 operasi dan telah memeriksa seramai 387,892 orang yang disyaki pendatang asing tanpa izin (PATI) dan seterusnya menangkap seramai 105,873 orang warga asing atas pelbagai kesalahan. Daripada jumlah yang ditangkap, seramai 38,224 orang PATI telah diambil tindakan mahkamah.**

**Tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah PATI boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.**

**Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:**

- i. memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**
- ii. menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan**

- iii. pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

**Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:**

- i. melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii. membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

Lanjutan dari itu, operasi penguatkuasaan ini juga telah diperkasakan lagi dengan pelaksanaan Pelan Penguatkuasaan PATI Secara Holistik yang bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan seharian mereka melalui kerjasama dan kesedaran masyarakat setempat. Kekuatan Pelan ini adalah mengoptimumkan sumber sedia ada melalui Prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, antara tindakan lain yang diambil untuk menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) di Malaysia adalah dengan mengadakan operasi pengusiran melalui Program Serah Diri secara sukarela.

Melalui Program Serah Diri (Kompaun 3+1) yang telah dimulakan pada 22 Julai 2014 sehingga 31 Disember 2015, seramai 283,067 orang PATI telah menyerah diri untuk balik ke Negara asal. PATI yang menyerah diri melalui Program ini disenarai hitamkan. Ingin dimaklumkan bahawa, pelaksanaan Program ini memberikan jalan keluar strategik bagi Kerajaan terutamanya dalam mengurangkan kos tanggungan Operasi Pengusiran.